

## BAB 5

### PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini mengemukakan perbincangan dan rumusan terhadap dapatan-dapatan utama daripada kajian yang telah dijalankan. Perbincangan difokuskan ke arah menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan dalam kajian. Ini diikuti dengan cadangan-cadangan yang diutarakan berkaitan dengan kaedah membaca seimbang dan juga strategi yang dapat dilaksanakan untuk meningkatkan lagi elemen pedagogi dalam perkembangan pendidikan.

#### 5.1 Perbincangan

Perbincangan dilakukan berdasarkan pengajaran guru di kelas, pencapaian murid dan temubual dengan guru bahasa.

##### 5.1.1 Pengajaran Guru

Pengajaran guru memainkan peranan yang sangat penting dalam bilik darjah. Dalam menentukan keberkesanan kaedah membaca seimbang, pengajaran guru dianggap sebagai elemen yang sangat penting. Kaedah pengajaran guru menekankan set induksi, praktik, perkembangan dan penilaian. Keempat-empat

elemen ini harus digunakan secara efisien bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar kerana elemen-elemen ini saling melengkapi.

Dalam bacaan seimbang, murid-murid menimbulkan minat terhadap pembacaan apabila guru menggunakan kaedah set induksi yang menarik. Malah guru perlulah lebih kreatif agar dapat menarik perhatian murid semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Bagi menarik perhatian murid terhadap pengajaran, guru perlulah kerap menggunakan kata-kata lucu atau gerak-geri lucu. Ini secara tidak langsung mewujudkan suatu suasana belajar yang menyeronokkan. Selain itu, keadaan ini juga merapatkan hubungan antara guru dengan murid. Dengan demikian murid memberikan tumpuan yang lebih terhadap pengajaran guru.

Perancangan masa juga dianggap penting untuk memastikan keberkesanan bacaan seimbang. Masa yang ditetapkan untuk pengajaran iaitu 30 minit bagi satu waktu adalah amat terhad. Jadi dalam masa yang ditetapkan guru harus memastikan objektif pengajaran tercapai. Selain itu, keadaan ini juga akan memudahkan seseorang guru untuk menghabiskan sukatan pelajaran dalam masa yang ditetapkan.

Penggunaan bahan bantu mengajar juga memainkan peranan yang penting dalam bacaan seimbang. Penyediaan bahan bantu mengajar yang menarik dan besesuaian dengan kemahiran adalah amat diperlukan. Keadaan ini amat penting kepada murid-murid yang mula menguasai bahasa dan murid-murid lembab. Ini secara tidak langsung menarik minat murid untuk belajar dan memahami segala yang diajar dengan mudah.

Guru harus menjalankan penilaian untuk memastikan agar semua murid sudah mencapai objektif pengajaran. Penilaian hendaklah dibuat secara individu dan bukan secara kelas. Ini mungkin memakan masa yang agak lama, tetapi dengan cara ini guru dapat memastikan sama ada seseorang murid itu mencapai objektif ataupun tidak. Ini merupakan aspek yang sangat penting dalam kaedah bacaan seimbang. Selain itu, guru sendiri boleh menilai pengajarannya pada hari tersebut. Ini akan memberi peluang kepada guru untuk mencari alternatif pengajaran yang lebih sesuai supaya objektif kemahiran yang diajar tercapai.

#### **5.1.2 Temubual dengan guru**

Hasil temubual dengan guru mendapati seseorang guru harus memahami dan tahu membezakan konsep kaedah dan teknik. Pemahaman tentang konsep kaedah dan teknik ini akan memberi peluang kepada seseorang guru mengajar secara sistematik dan menepati sasaran. Ini akan menjadikan sesebuah kelas itu menjadi lebih menarik dan murid dapat menumpukan perhatian kepada pengajaran guru.

Hasil kajian telah membuktikan bahawa penguasaan fonem, suku kata dan seluruh kata berlaku berdasarkan daya kecerdasan seseorang murid. Murid sederhana dan lembab dapat menguasai bacaan dengan lebih cepat dan mudah. Jadi, bacaan seimbang boleh menjadi satu perantaraan yang baik bagi murid-murid sedemikian.

### **5.1.3 Penilaian terhadap pencapaian murid**

Penilaian yang dijalankan di kalangan murid mendapati pada keseluruhannya sampel telah menguasai kemahiran asas membaca. Penguasaan sampel terhadap mengecam vokal, konsonan, abjad, suku kata dan perkataan mudah memang jelas. Lebih daripada separuh sampel kumpulan eksperimen dapat menguasai lebih daripada 50% sebutan fonem, bacaan suku kata dan seluruh kata yang diuji dalam kajian ini. Ini membuktikan bahawa kaedah membaca seimbang boleh menjadi suatu alternatif kepada masalah pembacaan di kalangan murid-murid tahun satu pada masa kini.

Namun terdapat beberapa sampel yang tidak dapat menguasai sebahagian daripada komponen-komponen yang diuji dalam kajian ini. Ini berkemungkinan murid-murid sedemikian memerlukan masa yang lebih lama dan memerlukan latihan tubi yang lebih banyak. Murid-murid sedemikian adalah kerana mempunyai sifat kelupaan. Dalam keadaan ini murid-murid tersebut perlu diberi latihan pengukuhan yang lebih kerap.

Walau bagaimanapun memandangkan kepada hasil keputusan ujian pos, kaedah membaca seimbang telah meningkatkan bilangan murid yang boleh membaca di kalangan murid-murid tahun satu. Kaedah fonem, suku kata diikuti dengan kaedah seluruh kata menyebabkan murid mudah mengenal huruf dan bunyi. Ini membantu murid tersebut untuk membaca dengan lancar dan menguasai kemahiran membaca dengan cepat.

## 5.2 Implikasi kajian

Setelah meneliti dapatan kajian secara keseluruhannya, penyelidik mendapati kajian yang telah dijalankan membawa implikasi kepada pihak-pihak tertentu.

### 5.2.1 *Kementerian Pendidikan Malaysia*

Kementerian Pendidikan Malaysia boleh memastikan Pusat Perkembangan Kurikulum menstrukturkan pelbagai program pendidikan yang sesuai untuk memastikan keberkesanan bacaan seimbang. Memandangkan kaedah ini lebih sesuai kepada murid-murid sekolah rendah, tumpuan yang lebih dan penekanan harus diberikan untuk membolehkan murid-murid terus membaca dengan lancar. Kaedah fonik, suku kata diikuti dengan seluruh kata merupakan antara unsur yang perlu diberi perhatian oleh Pusat Perkembangan Kurikulum.

Bahagian Pendidikan Guru pula disyorkan supaya menjalankan kajian lanjutan tentang kaedah ini untuk memastikan keberkesanan selanjutnya. Latihan dan percubaan boleh dilakukan dengan bantuan guru pelatih. Percubaan-percubaan ini mungkin akan memberikan dapatan kajian yang lebih baik untuk mengambil tindakan susulan. Memandangkan kertas projek hanya dilakukan berdasarkan satu sekolah Bahagian Pendidikan Guru boleh cuba menjalankan kajian ini secara lebih meluas.

### **5.2.2. Sekolah**

Pihak pentadbiran sekolah boleh mengarahkan guru-guru khususnya guru-guru tahun satu yang mengajar Bahasa Tamil mencuba kaedah ini di kelas. Kajian yang telah dijalankan ini telah menampakkan sedikit hasil yang boleh dijadikan panduan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dengan demikian kelebihan dan kekurangan yang lebih tepat dapat diperolehi. Penyediaan rancangan pengajaran dan aktiviti yang sesuai mungkin membawa kepada kejayaan yang lebih baik dalam bacaan murid-murid berbanding dengan kaedah yang digunakan sekarang.

### **5.3.3 Penulis Buku Teks**

Penulis-penulis buku teks boleh membuat pengubahsuaian dalam bahan bacaan dan latihan dengan memasukkan latihan yang bercorak memberi penekanan kepada bacaan seimbang. Semasa menulis buku teks kemungkinan tumpuan yang lebih boleh diberikan kepada sebutan fonem, bacaan suku kata dan seluruh kata.

## **5.3 Cadangan Kajian**

Hasil dapatan kajian menunjukkan beberapa perkara yang perlu dibaiki dan dipertingkatkan terhadap kaedah membaca seimbang di kalangan pelajar-pelajar tahun satu. Tumpuan perlu diberikan terhadap beberapa aspek termasuk guru, sekolah dan ibu bapa.

### **5.3.1 Guru**

Guru-guru tahun satu merupakan asas kepada pembacaan murid. Oleh itu seseorang guru perlu peka terhadap kaedah dan teknik pengajaran yang terkini dalam pengajaran bacaan kepada murid-murid tahun satu. Perancangan yang teratur, penyediaan bahan bantu mengajar yang sesuai serta kaedah dan teknik pengajaran akan memudahkan guru melakukan pengajaran yang berkesan.

Guru harus celik internet. Guru boleh melayari internet untuk mendapatkan maklumat mengenai kaedah dan teknik bacaan yang terkini. Banyak maklumat dan persoalan-persoalan berkaitan dengan kaedah bacaan seimbang telah dimuatkan dalam laman web. Guru-guru harus melayari laman web ini untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut, panduan, kaedah pengajaran dan pelbagai idea untuk menjadikan bacaan seimbang ini lebih menarik.

### **5.3.2 Sekolah**

Pihak pentadbir sekolah perlu mengadakan pencerapan secara kerap. Ini memberi peluang kepada seseorang guru supaya lebih bersedia semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan di kelas. Pihak pentadbir yang menjalankan pencerapan terhadap seseorang guru dapat membantu guru tersebut dengan memberi cadangan-cadangan supaya kualiti pengajaran bacaan dapat ditingkatkan atau mengubah gaya pengajaran bacaan yang lebih sesuai dengan keupayaan murid.

Pihak sekolah juga harus mengadakan kursus dalaman yang berkaitan dengan kaedah membaca. Ini memberi peluang kepada guru-guru bahasa untuk mengetahui kaedah dan teknik terbaru dalam kaedah mengajar membaca.

### **5.3.3 Para ibu bapa murid**

Ibu bapa juga harus memainkan peranan dalam pembacaan anak-anak mereka. Mereka perlu mengunjungi sekolah berjumpa dengan guru kelas atau mata pelajaran untuk mengetahui kedudukan pembacaan anak-anak mereka. Para ibu bapa yang tidak tahu atau menghadapi kesukaran untuk membantu anaknya membaca bolehlah mendapatkan nasihat daripada guru sekolah. Tindakan ibu bapa ini secara tidak langsung membantu anak-anak mereka mahir dan menunjukkan minat dalam pembacaan. Selain itu, guru juga akan lebih berhati-hati dalam merancang dan menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan serta bersistematik.

## **5.4 Cadangan kajian lanjut**

Kajian ini hanya ditumpukan kepada 15 orang murid sahaja dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Sungai Renggam, Shah Alam. Masa yang diperuntukkan hanya dua belas waktu sahaja. Oleh yang demikian kajian ini tidak bertujuan membuat sebarang pernyataan am atau generalisasi tentang pencapaian murid yang tidak terlibat dalam kajian ini. Namun demikian kajian ini memberi gambaran yang ringkas mengenai



kebolehpercayaan dan kesahan kaedah membaca seimbang sebagai alternatif dalam pedagogi pengajaran bacaan khususnya dan pengajaran bahasa secara amnya.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah membaca seimbang dan kaedah ini memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian sebutan fonem, suku kata dan seluruh kata. Walau bagaimanapun, kemungkinan ada kaedah-kaedah yang lebih sesuai digunakan untuk pengajaran bacaan. Oleh itu, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan dalam bidang bacaan untuk meningkatkan kualiti bacaan di kalangan murid-murid sekolah rendah khususnya dan murid-murid sekolah menengah secara amnya.

Para penyelidik harus tampil ke hadapan untuk melakukan kajian yang lebih bermakna dalam bidang bacaan. Berikut ini ialah beberapa tajuk yang dicadangkan oleh penyelidik kajian ini untuk tatapan dan renungan penyelidik-penyelidik masa depan yang ingin menceburi bidang bacaan di Malaysia. Antara tajuk yang dicadangkan adalah seperti berikut.

- (i) Keberkesanan kaedah membaca seimbang di sebuah sekolah rendah yang terletak di luar bandar atau pinggir bandar.
- (ii) Keberkesanan kaedah membaca seimbang di sebuah sekolah rendah yang terletak di ladang getah.
- (iii) Keberkesanan kaedah membaca seimbang di kalangan murid sekolah jenis kebangsaan dengan sekolah kebangsaan.
- (iv) Perbandingan keberkesanan kaedah membaca seimbang antara sekolah rendah yang terletak di bandar dan luar bandar.
- (v) Keberkesanan kaedah membaca seimbang di kalangan murid-murid tabika?

## 5.5 Kesimpulan

Kajian ini amat mustahak kepada para guru yang mempunyai kecenderungan dalam pengajaran bacaan. Para guru atau ahli akademik dapat menggunakan kaedah membaca seimbang ini sebagai alternatif kepada penyelesaian masalah dihadapi dalam bacaan pada masa kini. Kaedah membaca seimbang merupakan pengajaran berpusatkan murid. Oleh itu murid-murid akan mengambil bahagian secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kaedah ini juga memberi nafas baru kepada guru-guru yang tidak tahu menggunakan kaedah yang sesuai untuk mengajar bacaan.

Kajian ini membuktikan bahawa terdapat peningkatan dalam sebutan fonem, bacaan suku kata, dan bacaan seluruh kata. Oleh itu, sekiranya kaedah seimbang ini digunakan dengan berkesan maka kaedah ini akan memberi pencapaian yang tinggi dalam bacaan. Selain itu, bilangan murid yang boleh membaca dapat dipertingkatkan dengan kadar yang besar dalam masa yang singkat.